



# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**RABU / 29 MEI 2019**

- 1. 30 PETANI TERJEJAS SAWAH PADI DISERANG TIKUS**  
- **BERITA HARIAN**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT**

**( MADA )**

TARIKH : 29 MEI 2019

PERKARA : PERTANIAN

# 30 petani terjejas sawah diserang tikus

[FOTO DZIYAU AFNAN ABDUL RAHMAN/BH]

➔ Tapak pembuangan sampah haram punca pembiakan haiwan perosak

Oleh Dziaul Afnan Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

► Kangar

**S**eramai 30 petani di Kampung Sungai Baru, Utan Aji di sini, terjejas teruk selepas tanaman padi mereka di sawah musnah akibat serangan tikus liar sejak beberapa tahun lalu.

Tanaman padi seluas hampir 50 hektar yang musnah itu berpunca daripada tikus liar yang membiak dari kewujudan tapak pembuangan sampah haram di kawasan berkenaan.

Pesawah, Mohamad Ismail, 70, berkata dia menanggung kerugian ribuan ringgit akibat tanaman padinya musnah dimakan tikus, selain sudah tiga kali berulang menabur benih pada musim ini.

"Beberapa tahun lalu, kami menabur benih padi pada musim petak sawah kering, namun apabila anak padi mula tumbuh dan me-



Ahmad menunjukkan anak padi dimusnahkan tikus di Kampung Sungai Baru, Utan Aji, Kangar, semalam.

ninggi, ia habis rosak dimakan tikus liar.

## Sawah rosak sejak 2014

"Pada awalnya kami bingung kerana tanaman padi musnah tanpa sebab sehinggalah pada 2014, kami perasan puluhan tikus muncul pada awal pagi masuk ke dalam sawah.

"Malah bau busuk bangkainya juga boleh dihidu dengan kuat daripada longgokan sampah haram

yang wujud berhampiran kawasan sawah milik saya," katanya.

Luahan sama turut dilontarkan Ahmad Nordin, 59, apabila masyarakat setempat tidak memperdulikan nasibnya bersama 29 pesawah lain.

"Jika dilihat longgokan sampah yang ada kebanyakannya sisa buangan bahan binaan. Mereka tidak mahu membayar caj tambahan jika membuangnya di tempat khusus, jadi jalan mudah diambil de-

ngan membuangnya di sini," katanya.

## Air sampah mengalir ke sawah

Ahmad berkata, keadaan bertambah buruk apabila hujan dan air sampah akan mengalir terus ke dalam sawah, yang mendorong penyusutan mutu padi dan pencemaran bau.

Sementara itu, Ketua Cawangan Komunikasi Korporat Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Mu-



Terdapat kesan serangan tikus yang serius terutama padi di Kampung Guar Ujung Batu, pihak kami akan adakan perbincangan bersama SW Corp, bagi pembersihan sampah, selain operasi kawalan tikus di kawasan terjejas"

Mohd Hafzi Zakaria,  
Ketua Cawangan Komunikasi Korporat MADA

da (MADA), Mohd Hafzi Zakaria, ketika dihubungi memaklumkan ada menerima laporan mengenai kejadian berkenaan.

"Jika dilihat terdapat kesan serangan tikus yang serius, terutama padi di Kampung Guar Ujung Batu, jadi pihak kami akan mengadakan perbincangan bersama SW Corp, bagi tujuan pembersihan sampah haram, selain menjalankan operasi kawalan tikus bersepadu di kawasan terjejas," katanya.